

ANGGOTA penguatkuasa yang menyertai Operasi Penguatkuasaan Kawal Sella (Ops PEKASE) yang turut melibatkan SWCorp Melaka. Foto MBMB



MBMB gempur premis gagal urus sisa

Liana Sahabudin

BANDARAYA MELAKA - Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) mengeluarkan sebanyak 20 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK) berjumlah RM10,000 terhadap operator premis yang gagal menjaga kebersihan.

Datuk Bandar MBMB Datuk Shadan Othman berkata, kesalahan itu dikesan menerusi Operasi Penguatkuasaan Kawal Sella (Ops PEKASE) memfokuskan kawasan rumah kedai di Taman Krubong Jaya dan Taman Satu Krubong, di sini, 29 April lalu.

Shadan berkata, operasi bersepadu itu diharap meningkatkan tahap kesedaran

pemilik premis berhubung aspek kebersihan yang sebenarnya tanggungjawab semua pihak dan bukan digalas oleh MBMB semata-mata.

"Kawasan berkenaan dikenal pasti mengalami isu pengurusan sisa dan kebersihan premis, susulan operasi dilaksanakan ini saya berharap ia menjadi peringatan kepada semua yang berkenaan agar lebih prihatin terhadap kebersihan persekitaran.

"Menerusi operasi ini juga Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)



Melaka mengeluarkan empat notis pematuhan di bawah Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam

2018. Notis pematuhan ini dikeluarkan ke atas premis yang tidak melantik pemegang lesen sah bagi pemungutan sisa pepejal," katanya.

Hadir menyampaikan taklimat operasi berkenaan ialah Ketua Bahagian Kawal Sella MBMB Norliah Abd Rahman.

Beliau, turut menegaskan bahawa tindakan diambil sejajar dengan matlamat MBMB untuk mengekalkan imej bersih dan sistem pen-

ANTARA sisa yang gagal diurus dengan baik oleh pemilik premis di sekitar Krubong. Foto MBMB



gurusan sisa yang tersusun. "Semua operator permiaagaan perlu sentiasa memastikan premis mereka bersih

bagi mengelakkan tindakan kompaun dan pencemaran alam sekitar.

"MBMB akan terus

mempertingkatkan penguatkuasaan demi menjaga imej dan kebersihan bandaraya," katanya.